



UUM ONLINE: Bilik pengambilan jubah menjadi tumpuan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) yang akan bergelar graduan pada 31 Oktober hingga 2 November ini.

Seramai 4,190 graduan akan menerima ijazah masing-masing terdiri daripada seorang graduan Ijazah Kehormat, 52 graduan Ijazah Doktor Falsafah, tujuh graduan Doktor Pentadbiran Perniagaan, 657 graduan Ijazah Sarjana, 2,906 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 567 graduan Diploma Lepas Ijazah (Diploma Pendidikan).

Menurut Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik, Noor Azman Yusof bilik pengambilan jubah ini telah beroperasi dari 24 Oktober hingga 11 November mulai jam 8 pagi hingga 5 petang.

Beliau berharap bakal graduan akan mengambil jubah dalam masa yang ditetapkan agar urusan pengambilan dan pemulangan jubah berjalan dengan lancar.

Dalam pada itu, beberapa bakal graduan yang ditemui melahirkan rasa tidak sabar untuk menunggu hari yang bersejarah itu.

Bagi Noratikah Nawi, 24, dari Tanah Merah, Kelantan, konvokesyen ini amat bermakna kerana akan memperolehi segulung ijazah setelah menamatkan pengajiannya di sini.

"Konvokesyen ini pastinya amat bermakna bukan sahaja bagi saya malah suami saya kerana ia merupakan hadiah perkahwinan bagi kami," katanya ketika ditemui bersama suaminya, Mohd Hafiz Nor Alaihudin di bilik jubah.

Manakala, bagi pelajar dari Negeri China Liu Wen Huan yang ditemui berkata, tarikh 31 Oktober ini amat bermakna kerana ia akan bergelar graduan.

"Ketabahan dan ketekunannya dalam menuntut ilmu walaupun berjauhan dari keluarga akan hilang kepenatannya apabila menerima segulung ijazah yang diimpikan selama ini," katanya lagi.

Habis.

DARIPADA:  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT